

Tokoh-Tokoh Gerakan

ISLAM

Abad Moden

74
AI

Zainudin Hashim
Riduan Mohamad Nor

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Tokoh-Tokoh Gerakan

ISLAM

Abad Moden

PUSTAKA PERDANA



1008596

Zainudin Hashim
Riduan Mohamad Nor

ISBN 978-983-43630-6-2

Cetakan Pertama: Januari 2009

© Zainudin Hashim
Riduan Mohamad Nor

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada secara elektronik, sawatan, salinan foto, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada penerbit.

.....

Penerbit:

JUNDI RESOURCES (1706325-W)

No. 6, Lot 2756

Lorong Padang Balang 8, Padang Balang

51100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

Tel: 019-372 8844, 017-205 5183

E-mel: akhi_karim84@yahoo.com

Kulit dan Layout oleh:

Muhammad bin Haris

Dicetak Oleh:

Angkatan Edaran Ent Sdn. Bhd.

Lot 6, Jalan Tukang

16/4, Seksyen 16

Shah Alam

Selangor

Kandungan

Sekapur Sireh	v
1. Dr. Abdul Aziz Rantisi – Sang Doktor Pembawa Obor Jihad	1
2. Abdul Qader Awdah – Hakim Yang Digantung Mati Kerana Mempertahan Kebenaran Islam	9
3. Dr. Abas Madani – Singa Islam Di Algeria	15
4. Syeikh Abdul Hamid Kisyk: Ulama’ Bura Yang Banyak Hadapi Ujian Getir	23
5. Dr. Abdul Majid Az-Zandani: Mentor Gerakan Islam Yaman Hadapi Pelbagai Tribulasi Mantapkan Perjuangan	29
6. Dr. Abdullah Azzam – Mujahid Ikhwan Muslimin Yang Rindukan Syahid	35
7. Dr. Abdullah Nasih Ulwan – Tokoh Ilmuan Haraki Yang Bersifat Murabbi	45
8. Syeikh Ahmad Yassin – Tokoh Ikhwan Yang Menubuhkan HAMAS Di Palestin	53
9. Syeikh An-Nadwi – Tokoh Ulama’ Yang Berjiwa Lembut Ketika Berdakwah	61
10. Badi’uzzaman Sa’id An-Nursi – Abadikan Hidup Untuk Islam	67
11. Dr. Burhanuddin Al-Helmi – Menyiram Obor Perjuangan Kemerdekaan Malaya	73
12. Najmuddin Erbakan: Menelusuri Khilafah Yang Hilang Di Turki	79
13. Syeikh Faisal Molawi – Tokoh Ulama’ Lubnan Bependirian Tegas	89
14. Dr Fathi Yakan Alami Pelbagai Tirbulasi Yang Mematangkan Perjuangannya	95

15. Imam Syahid Hasan Al-Banna – Pencetus Kebangkitan Umat Abad 20	101
16. Hakim Hasan Al-Hudaibi – Pengganti Imam Hasan Al-Banna Yang Terserlah Ketokohnya	111
17. Dr. Hasan At-Turabi, Mentor Dakwah Di Balik Tirai Besi Di Sudan	119
18. Jamaluddin Al-Afghani - Perintis Kebangkitan Gerakan Islam Seantero Dunia	127
19. Al-Maududi: Memiliki Ciri Mujaddid Kurun Ke 20	131
20. Syeikh Muhammad Abduh – Penerus Manhaj Saiyid Jamaluddin Al-Afghani	141
21. Syeikh Muhammad Al-Ghazali: Ulama' Yang Tidak Kenal Jemu Ketika Berdakwah	147
22. Ustaz Mustafa Masyhur: Mursyidul 'Am Kelima Ikhwan Al-Muslimun	155
23. Syeikh Dr Mustafa Siba'ie Pengasas Gerakan Ikhwan Muslimun Syria	163
24. Omar Al-Mokhtar Singa Padang Pasir Yang Digeruni Musuh	167
25. Qazi Hussain: Penerus Agenda Yang Ditinggalkan Oleh Maududi	175
26. Sayyid Qutb: Penjara Dan Kematian Dalam Mercu Tanda Dakwah	185
27. Syeikh Sa'id Hawwa – Tokoh Gerakan Islam Berjiwa Sufi	193
28. Syeikh Solah Abu Ismail Pejuang Islam Hingga Dalam Parlimen	199
29. Zainab Al-Ghazali – Mujahidah Yang Cekal Walau Dipenjara, Disiksa	205
Galeri	213
Bibliografi	216

Sekapur Sireh

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang telah memberikan kepada kita dengan nikmat Iman dan nikmat Islam, selawat ke atas junjungan Nabi SAW yang telah bertungkus lumus berjuang bagi menebarkan dakwah sehingga kita tersentuh dengan kemurnian aqidah ini, seluruh generasi al-Quran yang telah mewakafkan diri mereka untuk Islam sehingga bermandi keringat dan darah bagi meletakkan baja bagi perjuangan ini.

Buku ini diluncurkan ketengah-tengah masyarakat untuk memperkayakan maklumat masyarakat tentang dakwah dan tokohnya dalam abad moden ini, karektor dan peribadi insan-insan gemilang yang telah mewarnai ummah dalam kurun ke 20 dan 21. Buku ini juga dengan matlamat untuk memperkaya kepustakaan maklumat masyarakat tentang gerakan Islam kontemporari yang bergulat di negara negara umat Islam dan mengalami ujian serta mehnah yang cukup dahsyat dalam usaha mereka membina kefahaman Islam yang sebenarnya kepada ummah yang jahil tentang kesempurnaan Islam setelah jatuh Khilafah pada tahun 1924.

Tidak banyak buku di pasaran yang menghimpunkan tokoh gerakan Islam kontemporari berbanding dengan tokoh-tokoh generasi silam dan buku ini sedikit sebanyak akan menghilangkan dahaga maklumat berkaitan dengan tokoh-tokoh ini, dengan kepelbagaian latar belakang masa dan tempat juga ujian (ibtila') yang berbeza antara satu sama lain. Hasan al-Banna, Sayyid Qutb, Abu Hassan Ali an-Nadwi, Said Hawwa, Maulana Maududi, Dr. Abdul Majid Zindani, Dr Abasi Madani, Zainab al-Ghazali al-Jubaili, Pak Natsir, Dr Burhanuddin al-Helmi adalah antara mutiara-mutiara berharga di jalan dakwah bagi abad ke 20.

Penerbit mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada para pembaca dan komuniti ilmu yang sentiasa memberikan sokongan dan dokongan kepada pihak kami untuk terus berbahagi ilmu dengan masyarakat. Tidak lupa kepada penulis yang telah menyusun dengan baik biografi ringkas para pejuang ini. Semoga segala jasa baik ini akan diganjari oleh Allah SWT dan menjadi bekal amal di hari akhirat kelak. Selamat membaca

Penerbit





Tokoh

1

Dr. Abdul Aziz Rantisi – Sang Doktor Pembawa Obor Jihad

Jihad umat Islam di bumi Palestin sentiasa berterusan dengan rembesan darah syuhada sentiasa bersimbah pada kanvas perjuangan, bumi ini adalah potret kekentalan semangat juang para syuhada yang tidak mengenal ampun saat berhadapan dengan zionis Israel. Palestin akan sentiasa mejadi rebutan kerana di dadanya adalah tanah suci, Baitul Maqdis. Seperti mana yang diungkapkan oleh Salahudin al-Ayubi, “barang siapa menguasai Palestin maka mereka akan menguasai dunia”, maka bumi ini sentiasa menjadi saksi mata pertembungan di antara hak dan batil.



Pada zaman moden ini, bumi Palestin mempunyai ramai puteranya yang hebat ,yang sanggup mewakafkan diri demi kemuliaan al-Quds, salah seorang yang telah membenarkan janjinya ialah as-Syahid Dr Abdul Aziz Rantisi. Beliau atau nama sebenarnya, Abdul Aziz Ali Abdul Hafiz ar-Rantisi dilahirkan pada 23 Oktober 1947 di Kampung Yubana yang terletak di antara Asqalan dan Yafa (Jaffa).

Dalam usia beliau enam bulan, beliau telah dibawa oleh ahli keluarganya berhijrah ke Semenanjung Ghaza untuk menyelamatkan diri daripada ledakan dan amukan peperangan tahun 1948 yang menyaksikan kesungguhan umat Islam untuk mempertahankan wilayah suci ini serta kesungguhan kuasa Barat yang menopang kekuatan gerakan zionis.

As-Syahid mempunyai jumlah keluarga yang besar seperti mana kebanyakan masyarakat Palestin yang lain. Keluarga beliau yang terdiri daripada ayah, ibu, dua orang anak perempuan dan sembilan lelaki ini terus menetap di perkhemahan muhajirin (pelarian) di Khan Yunus yang sarat dengan kekurangan dan kejerihan. Dalam latar belakang inilah Rantisi membesar dengan diserkap kebencian terhadap Yahudi yang menindas. Khemah pelarian ini sangat daif, malah sangat sesak dengan pelbagai wajah duka yang tidak mampu dihuraikan bagaimana dunia Arab amnya mampu menjadi penonton kepada kesakitan mereka, umat Palestin yang sebangsa dengan mereka.

Pendidikan

Rantisi adalah sebutir mutiara yang berkilauan dalam keluarganya, bapanya sendiri tidak menyangka anak kecil ini akan menjadi 'manusia besar' dalam perjuangan Palestin, beliau kelihatan genius semenjak kecil dengan kecenderungan agama yang ketara. Saat beliau berusia enam tahun, Rantisi dimasukkan ke sebuah sekolah bantuan pelaria yang didirikan berhampiran penempatan mereka. Kehidupan di kem Pengungsi yang agak susah menyebabkan beliau turut menolong